



**Maszlee (tengah) dan** Pengurus Besar Intel Malaysia Design Centre, Suresh Kumar (duduk tiga dari kanan) bersama sebahagian penyarah serta pelajar pada perasmian program MOE-Intel Elite Internship di Putrajaya, semalam.

# 100 pelajar 6 UA jalani latihan di Intel

BERITA HARIAN 15/6/2019 p. 6

**Putrajaya:** Seramai 100 pelajar dari enam universiti awam (UA) akan menjalani latihan 10 minggu menerusi program MOE-Intel Elite Internship yang bermula minggu depan.

Program itu membatinkan mahasiswa dari Universiti Teknologi MARA, Universiti Malaysia Perlis, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Universiti Putra Malaysia.

Sepanjang tempoh latihan di Intel Malaysia itu, mereka akan

diberi pendedahan mengenai perisian reka bentuk cip yang mengikuti standard industri.

Program itu juga menyediakan latihan kepada 12 penyarah dari enam universiti terbabit menerusi program lawatan anggota fakulti untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan industri mengenai reka bentuk silikon.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, ketika melancarkan program berkenaan di sini, semalam, berkata program berkenaan diadakan pada masa

yang tepat kerana keperluan untuk jurutera elektronik sangat penting untuk selari dengan Revolusi Perindustrian 4.0, yang menekankan automasi elektronik.

## Rebut peluang keemasan

Justeru, beliau meminta pelajar merebut peluang keemasan itu dan menguasai pemindahan pengetahuan dalam industri.

"Inilah masanya untuk pelajar meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah mere-

ka," katanya.

Beliau berkata, program berkenaan sebahagian daripada inisiatif baharu oleh Jabatan Pendidikan Tinggi dikenali *Academia Industry Expert Exchange Program* bertujuan berkongsi kepakaran dua hala dan mempromosi pemahaman yang lebih mendalam terhadap keperluan akademik dan industri.

"Dengan program seperti ini, graduan daripada bidang elektronik atau mikroelektronik boleh diserap terus ke dalam industri," katanya.